



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TEKS UCAPAN

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN DUTA SAHSIAH PEMANGKIN
PEMBENTUKAN KARAKTER KARAMAH INSANIAH
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023**

PADA

31 OKTOBER 2023 (SELASA)

7.00 pagi – 9.30 pagi

<< NAMA SEKOLAH ANDA >>

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(Salutasi disediakan oleh urus setia)

Hadirin yang dihormati,

1. Syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya, kita semua dapat hadir dan berhimpun bersempena dengan Pelancaran Duta Sahsiah Pemangkin Pembentukan Karakter Karamah Insaniah Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.
2. KPM sentiasa komited menangani isu disiplin khususnya yang berkaitan dengan nilai adab dan sahsiah. Justeru, KPM telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan surat arahan serta **Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli dan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan** sebagai panduan dalam menangani gejala buli secara lebih komprehensif dan sistematik. Syukur alhamdulillah, buku garis panduan ini telah dilancarkan pada 22 September 2023.

3. Teras kedua dalam Tujuh Teras Nadi Keunggulan KPM, menekankan aspek Karamah Insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti. Kita terus berusaha bagi mencapai hasrat ini dengan berpegang teguh kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menuntut agar perhatian penuh diberikan secara berterusan kepada murid dalam membentuk karakter yang harmonis, murid yang seimbang daripada aspek Jasmani, Emosi, Rohani, Sosial dan Intelektual (JERSI).

4. KPM juga mengharapkan melalui kerangka Anak Yang Baik Lagi Cerdik (ABC) yang menjadi slogan KPM, dapat membentuk karakter murid yang baik, beradab dan cerdas sebagaimana dihasratkan. Hal ini penting bagi memastikan anak-anak hari ini, benar-benar memenuhi aspirasi negara, yang akhirnya, dapat mewujudkan suasana harmonis dalam masyarakat dan negara. Jika anak-anak telah dibentuk dengan nilai **Karamah Insaniah**, saya yakin dan percaya bahawa anak-anak yang berada di hadapan saya ini, mampu berfikir dengan bijak dan celik akal dalam membentuk dan menanam sifat-sifat yang mulia dan terpuji serta mampu membangunkan potensi diri melalui minda, jiwa dan jasmani yang sihat secara menyeluruh. Anak yang baik

pastinya memberikan satu gambaran yang baik tentang ibu bapa mereka. Anak yang cerdas itu bagus tetapi anak yang baik lagi cerdas itu lebih bagus.

Tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak yang saya sayangi sekalian,

5. Dalam usaha menerapkan nilai **Karamah Insaniah** yang dapat melahirkan **Anak Yang Baik Lagi Cerdik**, KPM bekerjasama dengan pihak **Polis Diraja Malaysia (PDRM)** untuk menangani permasalahan disiplin dan salah laku murid. **Pelibatan PDRM melalui Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS)** di semua sekolah merupakan satu intervensi dalam memastikan bahawa anak-anak tidak terjebak dengan salah laku atau pelanggaran disiplin yang boleh membawa kepada kegiatan jenayah dan perlakuan yang menyalahi undang-undang.
6. Mendidik anak-anak dalam era moden yang penuh dengan cabaran, khususnya cabaran media sosial dan teknologi memerlukan warga guru memikirkan kaedah yang terbaik untuk menerapkan nilai karamah insaniah yang mencakupi kemahiran dalam pembangunan diri dan kemahiran interpersonal. Nilai-nilai seperti keberanian,

ketabahan, kepimpinan, keterampilan, kemahiran berkomunikasi dan kesabaran menjadi nilai penting untuk membentuk kemenjadian murid ABC.

7. Justeru, KPM mengambil inisiatif dengan melantik duta sahsiah yang terdiri daripada kalangan murid sendiri, yang sudah pasti lebih dekat dan mengenali antara satu sama lain, sebagai usaha membantu memberi kefahaman kepada rakan-rakan berkaitan kesan salah laku seperti buli dan salah laku seksual, sekali gus menjadi suri teladan yang tinggi nilai sahsiahnya dan berkeperibadian mulia. Oleh itu, saya amat berharap agar anak-anak semua, bukan sahaja cemerlang akademiknya, malahan mempunyai jati diri dengan karakter yang baik dan menjadi contoh kepada rakan-rakan.

Tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak yang saya sayangi sekalian,

8. Pembentukan sahsiah yang baik dan moral diri yang tinggi sebenarnya bermula dari rumah dan diperkukuhkan lagi di sekolah oleh guru. Contoh teladan dan asuhan ibu bapa ditambah dengan didikan guru yang baik, sudah pasti akan membentuk nilai-nilai sahsiah yang tinggi. Contohnya, ibu bapa yang sentiasa menunjukkan teladan

yang baik akan selalu mengingatkan anak-anak agar menghormati guru, rakan dan mereka yang lebih dewasa. Jika berjumpa dengan guru atau yang lebih dewasa, ucap salam dan tunduk sebagai tanda hormat. Ibu bapa dan guru juga perlu mengingatkan anak-anak agar sentiasa membantu rakan-rakan yang memerlukan bantuan dan tidak memandang rendah sesama rakan. Jika dijadikan sebagai suatu amalan, maka secara tidak langsung nilai-nilai sahsiah yang baik ini akan menjadi sebahagian daripada kebiasaan cara hidup anak-anak.

9. Oleh itu, dalam membentuk keperibadian unggul karamah insaniah anak-anak ini, kerjasama secara bersepadu dan kolektif antara ibu bapa, guru, pemimpin sekolah dan masyarakat amatlah penting untuk membentuk karakter anak-anak yang baik dan tinggi sahsiahnya.

Tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak sekalian,

10. Peranan pemimpin murid sebagai duta atau ejen yang membantu sekolah dalam menangani isu salah laku seperti buli dan salah laku seksual, patut dihargai dan diberikan pengiktirafan.

11. Diharapkan program ini dapat memberikan bimbingan dan kesedaran kepada murid-murid akan matlamat pendidikan negara ke arah kemenjadian murid. Pembentukan karakter hendaklah bersesuaian dengan norma masyarakat kita demi melahirkan generasi masa hadapan yang bukan sahaja cemerlang akademiknya malahan cemerlang sahsiahnya.
12. Selain itu, program ini juga penting sebagai usaha meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid tentang aspek peraturan, undang-undang serta hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan. Program ini juga, merupakan medium bagi KPM dan PDRM menyebarkan kefahaman dan kesedaran tentang gejala salah laku yang boleh membawa kepada kesalahan jenayah jika tidak dibendung lebih awal.
13. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga program ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif seperti yang disasarkan serta memberikan impak tinggi kepada murid dengan adanya duta sahsiah yang dilantik dalam usaha membanteras gejala salah laku disiplin di sekolah.

14. Dengan lafaz mulia **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Pelancaran Duta Sahsiah Pemangkin Pembentukan Karakter Karamah Insaniah Peringkat Kebangsaan Tahun 2023**.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah. Wassalamualaikum WBT.

- TAMAT –

Kementerian Pendidikan Malaysia
31 Oktober 2023